

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HIT 402 Sains Dalam Islam

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi EMPAT (4) soalan dalam DUA (2) muka surat.

Jawab EMPAT (4) soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. SAMA ADA

- [a] Dengan berdasarkan kepada fakta-fakta sejarah seawal yang anda tahu, jelaskan mengapa dan bagaimanakah ahli-ahli sains Barat moden boleh mengeluarkan agama dari bidang-bidang ilmu yang mereka terokai. Kemudian, beza dan bandingkan kedudukan tersebut dengan kedudukan sains dan ahli-ahli sains dalam tradisi keilmuan Islam.

ATAU

- [b] Pandangan hidup sekular menyebabkan ahli-ahli sains tidak bertanggungjawab terhadap aktiviti-aktiviti saintifik mereka. Ini menimbulkan banyak akibat negatif ke atas alam semesta dan kehidupan manusia kini. Berikan pendapat anda tentang kenyataan ini dan bincangkan secara objektif.

2. SAMA ADA

- [a] Bincangkan dengan kritis bagaimanakah ilmu-ilmu, khususnya ilmu sains, dari tradisi-tradisi Greek/Yunani, Rom/Romawi, Mesir, Parsi, India dan China, diintegrasikan ke dalam tradisi keilmuan Islam oleh para ilmuan Muslim.

ATAU

- [b] Tawhid dan khilafah adalah dua konsep yang mempunyai pengaruh dalam mencorakkan pandangan dan tingkah laku umat Islam. Jelaskan hubungkait keduanya dengan etika Islam di dalam bidang sains.

.../2

3. SAMA ADA

- [a] Nyatakan perbandingan di antara fahaman Evolusi (evolusionisme) dengan pemerhatian Islam berhubung dengan konsep penjadian dan penciptaan insan.

ATAU

- [b] Gejala dadah merupakan suatu bencana yang sedang menimpa umat manusia kini. Berikan pandangan anda daripada sudut perspektif Islam mengenai masalah ini terutamanya mengenai persoalan takrifan, skop dan cara penyelesaiannya. Buat perbandingan dengan persoalan "al-Khamr" pada zaman Rasulullah s.'a.w. dan para sahabat r.'a.

ATAU

- [c] Islam mengutamakan pencegahan daripada pengubatan. Bincangkan pendekatan Islam dalam bidang perubatan.

4. SAMA ADA

- [a] Tuliskan satu esei mengenai salah satu daripada isu-isu teknologi pembiakan masakini dilihat dari perspektif Islam. Perbahasan seharusnya meliputi aspek-aspek kesihatan, kesan dan implikasi sosial.

ATAU

- [b] Istilah "drug" diterjemahkan secara bebas sebagai "dadah". Berikan pendapat anda mengenai implikasi dan kesan yang timbul berikutnya persoalan ini.

ATAU

- [c] Bincangkan etika perubatan Islam dalam keadaan berikut:

- i. Euthanasia
- ii. Pembedahan plastik dan pemindahan organ
- iii. Bayi tabung uji dan permanian beradas.